



Dasar Wawasan Negara dan prospek pembangunan petani kecil Melayu

Amriah Buang¹, Ratnawati Yuni Suryandari¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Amriah Buang (email: amriah@ukm.my)

Abstrak

Sejarah pasca merdeka Malaysia menunjukkan bahawa pembangunan petani kecil Melayu adalah matlamat yang masih elusif. Ianya merupakan fenomena pasang surut selaras dengan naik turun martabat sektor pertanian itu sendiri. Semasa zaman Tun Razak (1957 – 1976) pembangunan petani kecil Melayu berjalan lancar. Semasa zaman Tun Mahathir (1991-2000) ianya merudum. Kemudian ekoran Krisis Ekonomi 1997 dan mulai 2003 Dasar Wawasan Negara (DWN) yang juga mencakupi Dasar Pertanian Negara ke-3 (DPN 3) menempatkan semula sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara, dan dengan itu mencerahkan semula prospek pembangunan petani kecil Melayu. Kertas ini bertujuan membicarakan prospek pembangunan petani kecil Melayu dalam fasa DWN, khususnya dalam konteks pelaksanaan dua program berimpak tinggi iaitu Pelan Tindakan Imbangan Perdagangan (BOT) dan Pertanian Kontrak di mana pembangunan agro-makanan yang merupakan *niche* petani kecil Melayu menjadi agenda utama dan menjanjikan lonjakan taraf petani kecil kepada usahawan global. Hasil penelitian mendapati bahawa prestasi BOT dan Pertanian Kontrak setakat ini tidaklah begitu memberangsangkan. Dengan kata lain prospek memajukan petani kecil Melayu masih meragukan. Punca utama ialah lemahnya kemampuan petani kecil Melayu dalam pemasaran tani. Kesimpulannya, sejauhmana prospek pembangunan petani kecil Melayu dapat dicerahkan selanjutnya adalah bergantung kepada kesanggupan negara bergigih mendidik budaya pengurusan pemasaran kepada petani kecil Melayu.

Katakunci: Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara, pembangunan agro-makanan, Pertanian Kontrak, petani kecil Melayu

The Malaysian National Vision Policy and the advancement prospects of the Malay small-scale farmers

Abstract

Malaysia's post independence history indicates that the dreamed goal of creating highly accomplished Malay small-scale farmers had been an elusive one. It waxed and waned with the status accorded to the country's agricultural sector. It glowed in Tun Razak time (1957 – 1976) and dimmed in Tun Mahathir era (1981-2000). Then, beginning 2003 and as the aftermath of the 1997 Asian Economic Crisis, the newly minted National Vision Policy (NVP) which incorporated the Third National Agriculture Policy had reinstated agriculture as a growth sector, and thus rekindled the hope. This paper examines the prospects of developing the Malay small farmers in this NVP phase. The focus was the implementation of two high impact programmes enshrined in the NVP, namely, the Balance of Trade Action (BOT) Plan and the Contract Farming Project in which the development of the agro-food subsector which represents the very *niche* of the Malay small farmers constitutes the main agenda and promises to relaunch the farmers onto becoming global agropreneurs. The results found the performance of the two high impact programmes least encouraging. In other words, the prospects of developing the Malay small farmers remain uncertain and doubtful. Weakness in agriculture marketing seems to be the root of their undoing. In conclusion,

improving the prospects of developing the Malay small farmers in this NVP era calls for the nurturing of the marketing savviness in them.

Keywords: New Economic Policy, National Development Policy, National Vision Policy, agro-food, Contract Farming, Malay small-scale farmers

Pengenalan

Bagi sektor pertanian Malaysia, era Dasar Wawasan Negara bolehlah dikatakan sebagai era Perdana Menteri Dato Sri Abdullah Badawi meskipun pentadbiran beliau bermula pada penghujung 2003, iaitu dua tahun selepas DWN diumumkan. Ini kerana meskipun Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) telah digubal pada tahun 1998, namun penterjemahannya secara jitu boleh dikatakan bermula dengan perisytiharan kerajaan Perdana Menteri Dato Sri Abdullah Badawi untuk menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara, dan perubahan nama Kementerian Pertanian kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada awal 2004.

Era baru pertanian ini baru saja berusia tiga tahun setengah tetapi telah ditandai dengan keazaman besar untuk “merevolusikan” semula sektor-pertanian. Dalam masa 42 bulan ini Malaysia telah melihat banyak dayausaha kerajaan Perdana Menteri Dato Sri Abdullah Badawi ke arah itu (Kotak 1).

Kotak 1. Sebahagian mercutanda dalam revolusi semula sektor pertanian Malaysia (2003-2007)

- Tahun 2004: Bermulanya polisi membangunkan semula sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan ketiga ekonomi Malaysia (meningkatkan kadar pertumbuhan sector pertanian daripada 3.6% kepada 6.5% setahun)
- Mac 2004: Kementerian Pertanian bertukar nama kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA Inc.)
- April 2004: Penubuhan Panel Penasihat Pertanian Negara
- April 2004: Pelancaran projek pertanian moden (ternakan haiwan), Johor (Pakar runding: Royal Agricultural College, United Kingdom)
- April 2004: Pelancaran Kelab Padi 10 tan sehektar semusim
- Mei 2004: Pelancaran jenama “Malaysia Best”
- Jun 2004: Anugerah Inovasi Tani untuk memupuk budaya teknopreneurship tani
- Julai 2004: Jawatankuasa Pemandu Mempelbagaikan dan Menambahkan Pendapatan Petani Penternak dan Nelayan, dipengerusikan Menteri:
- Julai 2004: Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM); Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT); Skim Organik Malaysia (SOM); Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM); Skim Veterinary Health Mark (VHM); Quality Assurance Standard (QAS); Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP); Sijil Halal JAKIM
- September 2004: Universiti Putra Malaysia harus diubah menjadi pusat kecemerlangan pendidikan pertanian
- September 2004: Dana khas RM 10 juta untuk P&P produk halal
- November 2004: Seminar ke arah revolusi sektor dan industri pertanian
- Februari 2006: Misi Pelaburan Dan Pemasaran Dubai dan Jeddah
- Februari 2006: Pelancaran Pasar Mega Tani
- September 2006: Pembukaan Pejabat Pertanian Netherlands di Kuala Lumpur
- Mac 2007: Panel Penasihat Pembangunan Pertanian Negara Bil 1/2001
- Mac 2007: Pelancaran Zon Industri Akuakultur

Secara keseluruhannya, bentuk perancangan pembangunan agro-makanan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah mentransformasikan pengeluaran agro-makanan menjadi satu entiti komersial yang moden, maju, dan berdaya saing selaras dengan blueprint Balance of Trade Plan (BOT) 2010. Pelan Tindakan BOT tidak termasuk komoditi yang tidak boleh dihasilkan di Malaysia secara ekonomik seperti bawang, buah-buahan temperat, cili kering dan

jagung untuk temakan, dan yang tidak boleh ditanam kerana faktor iklim, seperti gandum, kekacang dan sesetengah buah-buahan temperat (Jadual 1).

Jadual 1. Komoditi di bawah Pelan Tindakan BOT

Binatang hidup: Ayam/itik Lembu/kerbau Kambing/berbiri Khinzir	Daging dan sediaan daging: Ayam/itik Lembu/kerbau Kambing/berbiri Khinzir	Hasil tenusu & telur burung: Hasil susu Telur
Sayur-sayuran: Cili, timun, kasang, buncis, bendi, kacang panjang, tomato, kubis, halia, keledak, jagung brassica, ubi kayu	Buah-buahan: Betik, belimbing, nanas, tembikai, durian, nangka, cempedak, jambu batu, pisang, limau mandarin, mangga, rambutan, kelapa	Bahan makanan untuk ternakan: Makanan haiwan Makanan ikan
Bijirin & sediaan bijirin: Beras Tepung gandum Tepung meslin	Ikan, krustacea, moluska & sediaan: Ikan akuarium Benih ikan Ikan segar, disejukkan & dibekukan Ikan kering, asin & asap Udang Pes ikan Rumpai laut	Makanan diproses: Sos Sup Mee Makanan tambahan Makanan bayi Susu isian Yis
Gula & madu		

Sasaran utama pembangunan pengeluaran agro-makanan dan pemprosesan hiliran yang menjadi tiang seri pembangunan semula sektor pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ialah untuk memperbanyakkan golongan agro-entrepreneurs dan golongan petani, penternak dan nelayan yang moden dan komersial Mereka ini berperanan menerajui pembangunan agro-makanan yang dipacu oleh sektor swasta tanpa mengabaikan petani tradisional. Selain itu selaras dengan misi Dasar Pertanian Negara penduduk desa yang tergolong dalam kelompok kemiskinan tegar dan kelompok miskin juga akan diupayakan supaya taraf hidup mereka dapat ditingkatkan. Malangnya kedua-dua matlamat Pelan Tindakan BOT dan matlamat membangunkan petani kecil dan menjadikan mereka agri-entrepreneurs masih tidak kesampaian.

Prestasi pencapaian matlamat BOT dan pembangunan petani

Prestasi Pelan Tindakan BOT yang tidak memuaskan dapat dilihat dari kegagalan eksport sektor agro-makanan untuk merapatkan jurang import agro-makanan. Malah jurang BOT ini semakin membesar, iaitu daripada RM-4.94 billion pada tahun 2000 kepada -7.14 billion pada tahun 2005 meskipun pernah mengecil pada tahun 2003 kepada RM -4.34 billion. Defisit imbalan bagi tahun 2006 dijangka mencecah RM-8 billion (Jadual 2).

Bagi tahun 2004, sektor pertanian Malaysia telah berkembang sebanyak 4.9% dan pertumbuhan ini disumbangkan oleh sektor peladangan sebanyak 5.9% dan sektor-sektor agro-makanan sebanyak 3.5%. Sumbangan pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah RM21.1 bilion, dan dari jumlah tersebut sektor perladangan menyumbangkan 62.5% berbanding dengan sektor agro-makanan sebanyak 37.5%. Punca utama yang menyebabkan pertumbuhan negatif ini ialah kejatuhan nilai ditambah yang dicapai oleh perikanan (-10.9%), padi (-4.4%), khinzir (-4.1%), buah-buahan (-1.2%) dan tanaman makanan lain (-0.4%) (Tan Sri Muhyiddin Yassin, 2005).


Jadual 2. Kedudukan perdagangan dalam sektor agro-makanan 2000-2006

Tahun	Eksport		Import		Imbangan dagangan	
	Nilai (RM billion)	Perubahan (%)	Nilai (RM billion)	Perubahan (%)	Nilai (RM billion)	Perubahan (%)
2000	6.42	3.72	11.36	4.70	-4.94	6.01
2001	6.52	1.56	12.24	7.75	-5.72	15.79
2002	7.41	13.65	12.41	1.39	-5.00	-12.59
2003	8.35	12.69	12.69	2.26	-4.34	-13.20
2004	9.94	19.04	16.44	29.55	-6.50	49.77
2005	10.65	7.14	17.79	8.21	-7.14	9.85
2006*	5.35	7.35	9.53	10.86	-4.18	15.7

*Data sehingga Jun 2006, Sumber: MOA, 7 Dis. 2006

Bagi tahun 2005 pula, data yang dikumpulkan oleh Global Trade Atlas menunjukkan bahawa import dunia bagi keluaran agro-makanan pada tahun 2005 ialah RM1,825.9 bilion tetapi Malaysia hanya mengeksport sebanyak RM9.1 bilion sahaja. Dengan kata lain, eksport keluaran agro-makanan Malaysia hanya meliputi 0.5% daripada permintaan global itu. Daya saing pengeluaran agro-makanan ditentukan oleh produktiviti. Kayu pengukur daya produktiviti ialah total faktor produktiviti. Penemuan kajian terkini oleh MARDI yang membandingkan prestasi total faktor produktiviti kegiatan dan pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan pada tahun 2000 dan 2004 menunjukkan kemerosotan pencapaian produktiviti (Tan Sri Muhyiddin Yassin, 2005).

Mengapakah kedua-dua matlamat BOT dan pembangunan petani masih belum berjaya dicapai? Menurut Menteri kegagalan atau kelewatan ini adalah berpunca dari kepincangan sistem penyampaian di mana ciri-ciri budaya kerja tenaga pelaksana yang tidak cemerlang telah menyebabkan tidak sampainya pemodenan dan pembangunan keusahawanan kepada petani (Rajah 1). Pandangan Menteri ini nampaknya disokong oleh fakta. Mengikut Biro Pengaduan Awam, aduan yang paling banyak diterima daripada masyarakat umum ialah kelewatan jabatan/agensi Kerajaan menjalankan tugas atau mengambil tindakan. Aduan kedua banyak yang diterima ialah kualiti kerja yang kurang memuaskan (Dato' Dr. Zulkifli Bin Idris, 2007).



Rajah 1. Sistem penyampaian sebagai punca tidak tercapainya matlamat BOT dan pembangunan petani

Oleh itu tidaklah menghairankan jika mutakhir ini penekanan di Kementerian Pertanian dan Asas Tani ialah 'revolusi minda' kakitangannya. Antaranya mereka dipinta mewujudkan dan menghayati 'managerial mindset', membangun dan mengekalkan budaya kerja yang berorientasikan prestasi, menghapuskan kerenah birokrasi, merangka strategi yang nyata dan fokus, dan menghasilkan pelaksanaan cemerlang (Tan Sri Muhyiddin Yasin, 2007).

Prestasi Pertanian Kontrak FAMA dalam membangunkan petani kecil Melayu

Dalam rangka negara Malaysia meningkatkan pengeluaran agro-makanan dan pertumbuhan ekonomi, serta menjadikan pertanian sebagai perniagaan, maka program Pertanian Kontrak (PK) diperkenalkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana memasarkan hasil tani mereka. Dasar Pertanian Negara (DPN 3, 1998-2010) Malaysia menetapkan Pertanian Kontrak sebagai program berimpak tinggi yang akan mampu melonjakkan pengkomersilan pertanian berskala kecil sekaligus mencergaskan pengeluaran agro-makanan yang agak longlai di negara ini.

Untuk melihat sejauhmana Pertanian Kontrak FAMA dapat berfungsi sebagai mekanisme yang berkesan dalam memajukan petani kecil Melayu maka sebuah kajian telah dijalankan di Zon Utara Semenanjung Malaysia pada awal tahun 2009 yang melibatkan kajiselidik terhadap 207 peserta Melayu projek PK yang dianjurkan oleh FAMA dan 200 responden dari kalangan komuniti tempatan (Amriah & Ratnawati, 2009; Amriah et al., 2010).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta aktif projek PK anjuran FAMA ini hanya membentuk 65.7% sahaja daripada keseluruhan bilangan petani kecil Melayu yang menyertai program ini, iaitu mereka yang secara konsisten membuat hantaran hasil kepada FAMA; lebih separuh (51.2%) peserta projek PK merasa terperangkap dengan penetapan harga yang sentiasa rendah oleh FAMA, lebih-lebih lagi memandangkan kos pengurusan dan penyenggaraan tani yang sentiasa meningkat; kegagalan para peserta projek umumnya untuk menepati peraturan ketat FAMA mengenai kualiti dan kuantiti hasil tani yang harus dihantar kepada FAMA yang sebenarnya mencerminkan kepincangan khidmat kembangan pada pihak agensi kerajaan sendiri (Jadual 3); dan majoriti yang agak besar (65%) dari kalangan komuniti tempatan yang menyatakan rasa tidak menyesal sama sekali kerana tidak menyertai projek PK anjuran FAMA lantaran tidak yakinnnya mereka bahawa projek tersebut akan meningkatkan pendapatan mereka (Jadual 4).

Jadual 3. Tanggapan peserta projek terhadap Pertanian Kontrak FAMA

Tanggapan peserta aktif projek PK (65.70%) dan peserta yang berpuas hati menyertai PK (48.31%)	Tanggapan peserta pasif projek PK (34.70%) dan peserta yang kurang puas hati menyertai PK (51.69%)
<ul style="list-style-type: none"> • FAMA menjamin pemasaran (terutama pada musim lambakan) dan pembayaran, meskipun harga agak rendah daripada harga pasaran semasa • FAMA membeli hasil ladang petani dalam jumlah yang lebih besar berbanding dengan pemborong dan peniaga pasar malam 	<ul style="list-style-type: none"> • Petani lebih tertarik menjual hasil ladang kepada pemborong luar, menjual langsung ke pasar dan peniaga pasar malam, kerana harga belian FAMA sentiasa statik rendah • Petani merasa diperangkap FAMA kerana pada kontrak awal, harga belian FAMA tidak dinyatakan • Kualiti dan kuantiti hasil ladang petani belum mencapai kepada tahap yang dikehendaki FAMA • Kos penjagaan ladang meningkat tinggi

Sumber: Amriah & Ratnawati, 2009; Amriah et al., 2010

Daripada kajian ini bolehlah dirumuskan bahawa projek Pertanian Kontrak FAMA setakat ini masih belum mampu berperanan sebagai satu kaedah yang berwibawa untuk memajukan petani kecil Melayu. Ianya kurang berjaya memoden dan mengusahawankan petani kecil tersebut. Hakikat ini sebenarnya mencerminkan kepincangan di pihak institusi-institusi pelaksana pembangunan pertanian Malaysia sendiri.

Jadual 4. Tanggapan komuniti tani tempatan terhadap projek Pertanian Kontrak FAMA

Tanggapan komuniti tani tempatan yang merasa terkilan tidak menyertai projek PK (32.5%)	Tanggapan komuniti tani tempatan yang merasa tidak menyesal tidak menyertai projek PK (65%)
<ul style="list-style-type: none">• Tidak menyertai projek PK menyebabkan hasil ladang petani tiada jaminan pemasaran (terutama pada musim lambakan)	<ul style="list-style-type: none">• Petani boleh memasarkan sendiri hasil ladang mereka• Harga belian FAMA sentiasa lebih rendah daripada harga pasaran semasa• Pertanian Kontrak kurang berjaya mengubah nasib para peserta projek tersebut

Sumber: Amriah & Ratnawati, 2009; Amriah et al., 2010

FAMA sebetulnya perlu mengatur pemasaran hasil tani peserta projek Pertanian Kontrak dan melaksanakan khidmat kembangan. Seandainya FAMA tidak mampu melaksanakan tugas ini, kerana sememangnya tugas ini telah terabai dua tiga dekad dahulu di mana kerajaan tidak fokus kepada melahirkan usahawan tani dari kalangan petani kecil. Orientasi pembangunan negara lebih condong kepada perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan lainnya, daripada sektor pertanian. Oleh itu pendidikan menjadi peniaga dan usahawan telah terabai, termasuklah pendidikan dalam mewujudkan pasaran.

Gerakbalas petani kecil Melayu bagi memajukan pengeluaran agro-makanan

Revolusi pertanian era DWN menuntut penataran kewajaran berikut:

1. Keupayaan petani kecil menerima pakai kaedah pertanian modern termasuk bioteknologi;
2. Keupayaan petani kecil menyertai kegiatan aliran pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran hasil tani ke pasaran global;
3. Keupayaan petani kecil mengasah ilmu dan kemahiran tenaga kerja mereka di peringkat tinggi; dan
4. Keupayaan petani kecil menempatkan dirinya di samping sektor swasta dan syarikat kerajaan, yang dikehendaki menjadi pemangkin dalam pengkomersilan pertanian.

Setakat ini, sambutan daripada komuniti petani kecil Melayu tidaklah memberangsangkan. Sehingga penghujung tahun 2004, seramai 63% petani kecil Melayu tidak bersetuju menyewakan tanahnya kepada pemaju pertanian swasta; 56% tidak merasakan kerajaan wajar meminta petani Melayu menyewakan tanahnya kepada pemaju swasta; 65% menganggap mereka tidak akan mendapat manfaat daripada menyewakan tanah kepada pemaju swasta; 56% tidak bersetuju pemilik tanah Melayu harus memajukan tanahnya secara usahasama dengan pemaju swasta; dan 65% tidak menganggap bahawa keengganan mereka menyewakan tanah atau berusahasama dengan pemaju swasta menjadi faktor kemunduran kawasan mereka (Amriah, 2004). Ini bermakna penilaian petani kecil Melayu tentang kehadiran sektor swasta secara besar-besaran dalam hal-ehwal pertanian mereka tidak berubah dari sedekad dahulu (Amriah, 2001b).

Apakah ini mencerminkan tegarnya sikap negatif petani kecil Melayu? Perdana Menteri Dato Sri Abdullah Badawi dan Menteri MOA Inc. dilaporkan berpendapat demikian (Utusan Express 13 Feb. 2004; 13 Ogos 2004), meskipun dewasa ini Menteri menganggapnya lebih sebagai natijah dari sistem penyampaian yang pincang (Tan SriMuhyiddin Yasin, 2007).

Sebaliknya, hal ini dapat pula dilihat sebagai mencerminkan sikap munasabah petani kecil Melayu. Mereka amat perihatin kepada sebarang gerak langkah yang berkemungkinan menkompromikan tanah milikan mereka, kerana itulah satu-satunya asas ketuanan mereka dan asas geopolitik bangsa mereka (Amriah, 1998 & 2001b; Kongres Kepentingan Bangsa, 2005).

Selain dari perhitungan geopolitik yang menyebabkan petani kecil Melayu tidak begitu ghairah dengan penyertaan swasta dalam pembangunan pertanian mereka itu, terdapat tiga faktor lagi yang melambatkan gerakbalas petani kecil Melayu kepada seruan memajukan pertanian, khususnya agro-makanan.

Pertama, petani kecil Melayu tidak mempunyai pengalaman yang positif dalam pengeluaran agro-makanan sebagai suatu perniagaan. Sebelum kedatangan penjajah, sistem ekonomi 'semulajadi' mereka menyaksikan pengeluaran agro-makanan sebagai sumber kemandirian mereka. Semasa pentadbiran penjajah British, agro-makanan merupakan kegiatan yang tidak dipandang dalam sistem kapitalis duaan kolonial dalam ertikata ianya tidak layak untuk diperlakukan sebagai tanaman komersil perladangan. Sebaliknya, kegiatan agro-makanan kekal sebagai tanaman sara diri masyarakat peribumi. Meskipun, terdapat waktu dan ketika di mana pentadbiran kolonial memandang penting usaha meningkatkan pengeluaran agro-makanan demi menampung keperluan yang semakin meningkat ekoran meningkatnya pembandaran, namun ini tidak bererti pentadbiran penjajah berhasrat memaju dan memodenkan kegiatan agro-makanan petani tradisional setara dengan sektor perladangan. Gesaan kerajaan kolonial agar petani tradisional meningkatkan pengeluaran agro-makanan itu hanya mencerminkan peranan sosial petani kecil. Memanglah petani kecil Melayu dapat menjual hasil agro-makanannya, tetapi pendapatan yang diperolehi darinya tidaklah begitu besar sehingga mendorong mereka untuk menumpukan seluruh tenaga kepada tanaman agro-makanan. Sebaliknya mereka ghairah menanam getah, meskipun dalam keadaan serba kekurangan berbanding dengan sektor perladangan, kerana pulangan yang jauh lebih tinggi daripada menghasilkan agro-makanan. Bagi petani kecil, pertanian getah adalah perniagaan, sementara pertanian agro-makanan adalah saradiri. Kedua, kerajaan selepas Merdeka tidak berjaya membuktikan kepada masyarakat petani kecil Melayu bahawa agro-makanan benar-benar boleh diperniagakan. Selain dari tanaman padi yang jelas sistem pasarannya, tanaman makanan lainnya sering dilanda kerugian kerana pasaran yang tidak jelas dan tidak terjamin. Petani menjadi serik dan tanah pertanian mereka menjadi terbiar dan terbiar lagi, termasuklah tanah yang diusahakan petani siswazah (Amriah, 2001a).

Ketiga, kerajaan selepas Merdeka tidak fokus kepada melahirkan usahawan tani dari kalangan petani kecil. Kerana orientasi pembangunan negara telah berganjak daripada pertanian kepada perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan lainnya, maka usaha untuk mendidik dan membudaya petani menjadi peniaga dan usahawan telah terabai, termasuklah pendidikan dalam mewujudkan pasaran, iaitu pendidikan paling dasar dalam pembangunan usahawan.

Adalah jelas bahawa faktor yang paling merintang penceburan berkesan petani kecil Melayu di dalam bidang agro-makanan ialah pasaran. Sebagai perbandingan, petani Melayu berjaya menceburi tanaman getah sejak zaman penjajah hingga sekarang kerana sistem pasaran getah yang jelas dan terjamin. Petani tahu dan faham ke kedai atau ke tempat mana susu atau kepingan getahnya boleh dijual pada harga yang berpatutan untuk mendapatkan pendapatan harian atau bulanan. Kerja mereka hanya menjaga kualiti dan kuantiti susu atau kepingan getah mereka sahaja. Mereka tidak perlu tahu bagaimana mewujudkan pasaran untuk hasil getah mereka. Sebaliknya, jika mereka menanam sayuran, buah-buahan dan tanaman kontan lainnya, atau menjalankan projek akuakultur dan ternakan ayam itik dan lembu kambing, mereka tidak tahu dan tidak pasti kepada individu, agen, syarikat, atau institusi manakah dapat mereka menjual hasil agro-makanan mereka itu.

Berlainan halnya dengan usahawan tani Cina. Baik menanam sayuran bernilai tinggi di Cameron Highlands, mahupun menternak ayam dan khinzir di tanah rendah, petani dan penternak Cina sudah sekian lama disokong oleh sistem jaringan pemasaran yang mantap dan berkesan. Kerana hampir seluruh perniagaan borong, runcit, pengangkutan, import dan eksport, dan sebahagian besar pembiayaan, perbankan dan insuran, telah dikuasai dengan baiknya oleh usahawan dan peniaga Cina, maka prasarana, atururus, logistik dan pembiayaan pemasaran hasil tani dan ternakan petani dan penternak Cina tidak menjadi masalah bagi mereka. Dengan demikian, petani Cina dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pengeluaran, iaitu kuantiti dan kualiti hasil tani mereka.

Sebab itu perkara paling afdal yang perlu dibereskan oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani sekarang ialah pembangunan sistem pemasaran yang reliable bagi semua jenis pertanian, ternakan dan akuakultur yang telah dikenal pasti sebagai sumber pengeluaran agro-makanan. Pembangunan sistem pemasaran yang reliable inilah yang merupakan bahagian paling lemah dalam sistem penyampaian Kementerian.

Antara bukti kelemahan system pemasaran tani di negara ini ialah apabila FAMA telah menanggung kerugian bersih kira-kira RM 6.8 juta setelah membelanjakan sebanyak RM121.4

juta untuk membeli hasil pertanian yang sebahagian besarnya adalah bertujuan menyelamatkan hasil para petani pada 2001-2004 (Utusan Malaysia, 19 April 2005). Penyelamatan ini terpaksa dilakukan kerana berlaku pengeluaran berlebihan ekoran daripada tidak terselarasnya fungsi pengeluaran Jabatan Pertanian dengan fungsi pemasaran FAMA. Bahawa FAMA tidak berupaya memasarkan lebih ini adalah jelas.

Sehingga 2005, Kementerian Pertanian dan Asas Tani masih menganggap FAMA, berasaskan Akta FAMA, tidak dipertanggungjawabkan memastikan agar semua hasil tani dapat dipasarkan. Menyalahkan FAMA bererti tidak mengenang jasa kerajaan yang telah banyak membantu petani dan pengeluar tani tempatan. Sebaliknya, petani "... seharusnya merancang bagaimana memasarkan hasil tani mereka dengan cara yang menguntungkan. Mereka sepatutnya mengguna pakai pendekatan yang strategik dan melakukan anjakan minda. Hanya dengan revolusi begini barulah mereka dapat bersaing di pasaran antara bangsa" (Tan Sri Muhyiddin Yasin di petik dalam *The Star*, 10 Ogos 2005).

Tentunya petani kecil Melayu hari ini sudah mampu 'mengguna pakai pendekatan yang strategik dan melakukan anjakan minda' sekiranya sepanjang dua atau tiga dekad lalu mereka telah sungguh-sungguh dididik menjadi usahawan tani yang pandai memadankan pengeluaran dengan permintaan dan cekap membangun pasaran sendiri. Malangnya sepanjang tempoh tersebut petani kecil kehilangan arah dan jatidiri dalam mood negara yang ghairah dengan perindustrian dan memperlakukan sektor pertanian sebagai sektor mentari terbenam.

Jadi, sejauhmana petani kecil Melayu dapat diupayakan untuk dapat menyertai arus pembangunan agro-makanan dewasa ini adalah bergantung kepada sebaik mana kerajaan dapat menangani jurang pendidikan budaya pemasaran di kalangan petani kecil Melayu. Dengan kata lain, kerajaan terpaksa meniti semula tugas pendidikan budaya pemasaran di kalangan petani kecil Melayu yang telah dibaikannya dua tiga dekad dahulu. Ini tentunya memerlukan kesabaran di pihak kerajaan kerana pendidikan budaya pemasaran di kalangan petani kecil Melayu hanya boleh dilaksanakan secara gradual (berperingkat-peringkat). Setakat ini petani kecil Melayu hanya responsive apabila pembeli di peringkat pintu pagar tani (farm gate) mereka dapat ditemui dan ditransaksi mereka dengan mudah. Misalnya, kilang pengisar padi atau kedai pemborong getah, atau pembeli lembu atau kambing di kawasan mereka. Mereka akan sanggup menanam dan menternak hampir apa saja yang dapat dijual dengan mudah di peringkat pintu pagar tani (farm gate) mereka. Maka dalam situasi ini adalah menjadi tanggung jawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menerusi agensi-agensinya, membanyakkan tempat petani menghantar hasil taninya untuk dijual.

Dengan kata lain, FAMA dan seumpamanya perlu memikir dan mengaturkan siapakah yang harus membeli hasil tani di peringkat pintu pagar tani (farm gate). Sekiranya FAMA merasa tertekan dengan tugas ini, maka ini adalah kerana tugas ini telah tidak dijayakannya dua tiga dekad dahulu. Seperti juga petani, FAMA turut menanggung padah era sektor pertanian diperlakukan sebagai sektor mentari terbenam. Bagaimanapun, dengan komitmen kerajaan hari ini untuk mencerdaskan semula sektor pertanian, FAMA sesungguhnya berada dalam situasi yang cukup mengupayakannya. Malah FAMA hari ini telah pun mengatur banyak strategi dan program untuk memperbaiki lagi pengurusan rantaian bekalan, perisikan pasaran, dan pengiktirafan jenama pasaran domestik dan antarabangsa.

Cuma yang dikhuatiri ialah sekiranya FAMA tidak mengiktirafi tanggungjawabnya membangunkan sistem pemasaran agro-makanan yang meyakinkan di peringkat pintu pagar tani (farm gate). Setelah ada sistem pemasaran agro-makanan yang meyakinkan di peringkat pintu pagar tani (farm gate) barulah munasabah kerajaan menuntut agar petani kecil mengamalkan segala amalan baik (best practice) pengeluaran hasil tani. Malah, kerajaan barangkali tidak perlu bersusah payah ke arah itu. Ini kerana, rangsangan semula jadi untuk meningkatkan pendapatan kerana adanya pemasaran yang meyakinkan di peringkat pintu pagar tani (farm gate) akan mendorong petani meningkatkan mutu pengeluarannya dan mematuhi segala piawaian dan penggredan yang di terima di peringkat nasional dan antarabangsa. Sejarah petani kecil Melayu menunjukkan bahawa mereka amat responsif kepada rangsangan harga apabila hasil tani dapat dipasarkan dengan mudah di tempat mereka.

Sampai bilakah petani kecil Melayu akan menjadi 'usahawan' di peringkat pintu pagar tani (farm gate)? Bagi sebahagian besar petani Melayu tradisional, sampai ke akhir hayat kerjaya

mereka memandangkan kebanyakan mereka sudah lanjut usia. Bagi sebahagian kecil petani Melayu yang lebih muda, lebih berpendidikan, tetapi baru belajar berjinak dengan erti 'pertanian agro-makanan itu perniagaan' bawaan yang baik dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi agensi-agensinya, dan dari kementerian dan agensi kerajaan lainnya akan menghijrahkan mereka ke peringkat usahawan tani dan industri asas tani profesional yang berdayasaing di pasaran makanan halal global. Bagaimanapun, bilangan mereka ini terlalu kecil (lebih kecil daripada angka 10,000 orang usahawan tani yang disasar Kementerian pada tahun 2010) dan masih di peringkat perintis. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana proses pembikinan imej rendah pertanian dua tiga dekad lalu telah melahirkan satu generasi muda Melayu yang samasekali buta pertanian dan menjauhi pertanian.

Kesimpulan

Ke mana petani kecil Melayu sekarang adalah persolan yang sukar dijawab dengan pasti. Masa depan mereka di dalam era pembangunan semula sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara masa kini sebenarnya adalah cerah sekiranya mereka dapat diupayakan untuk membuat lompatan daripada budaya kerja tani sebagai bidang yang diceburi setelah tiada pekerjaan lain kepada budaya kerja tani sebagai bidang keusahawanan yang dipandang penting dan strategik.

Sehingga tamat tempoh Dasar Wawasan Negara pada tahun 2020, dapat dijangkakan bahawa menjadi usahawan tani di peringkat pengeluaran pintu pagar tani (farm gate) merupakan pencapaian paling tinggi bagi sebahagian besar petani kecil Melayu. Di samping itu, sekiranya semua program Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjalan seperti dirancang (terutamanya program pembangunan ternakan lembu, kambing, bebiri, daging dan sediaan daging, dan hasil tenusu) negara dapat melihat munculnya beberapa enterprais pertanian dan industri asas tani Melayu di persada perdagangan makanan halal global. Jika ini berlaku, maka ia bererti negara mengambil masa selama hampir tiga suku abad sesudah merdeka untuk benar-benar mengangkat martabat petani kecil Melayu supaya berdiri sama tinggi dengan orang lain. Tiga generasi tentunya merupakan suatu proses yang lama; tetapi seperti kata pepatah Inggeris 'better late than never'.

Rujukan

- Amriah Buang (1998) Globalization and industrializing Malaysia: Whither Malay idle land? *Jurnal Ilmu Alam* **24**.
- Amriah Buang (2001a) Mengkaji perancangan dan pelaksanaan pembangunan tanah terbiar di Semenanjung Malaysia: Soal selidik bagi kajian mikro. In: Amriah Buang (ed) *Perancangan dan pelaksanaan pembangunan tanah terbiar di Semenanjung Malaysia*, pp. 91-126. Pro-Dynamic Management, Bangi.
- Amriah Buang (2001b) Privatising the rehabilitation of idle agricultural land in Malaysia: Feedback from the Malay folks. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* **9** (2), 103-112.
- Amriah Buang (2004) Making sense of Malaysia's agricultural revitalisation: The smallholder perspective. Paper presented in the International Conference on Social Sciences and Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia. 14-15 December.
- Amriah Buang, Mohd Azlan Abdullah, Rosmiza Mohd Zainol (2010) Memajukan petani kecil Melayu menerusi Pertanian Kontrak – Persepsi dan penilaian peserta projek dan komuniti tempatan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* **6** (1), 68-80.
- Amriah Buang, Ratnawati YS (2009) Pertanian Kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu: Tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan di Zon Utara, Semenanjung Malaysia terhadap prestasi program Pertanian Kontrak FAMA. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* **5** (1), 11-22.
- Dato' Dr. Zulkifli Bin Idris (2007) Ucapan di Majlis Perhimpunan Pagi. Wisma Tani, Putrajaya. 30 Mac.

Kongres Kepentingan Bangsa (2005) Gagasan survival bangsa: Menebus kehilangan, mengisi masa depan. Anjuran Gabungan NGO-NGO Melayu. UTM, Kuala Lumpur. 16-17 Disember.
Tan Sri Muhyiddin Yasin (2005) Amanat tahun baru 2005. Wisma Tani, Putrajaya.
Tan Sri Muhyiddin Yasin (2007) Amanat tahun baru 2007. Wisma Tani, Putrajaya.
The Star (2005) 10 Ogos.
Utusan Malaysia (2005) 19 April.